

KERUNTUHAN AKHLAK MENERUSI NOVEL *PEREMPUAN POLITIKUS MELAYU* BERDASARKAN PERSPEKTIF AL-GHAZALI

*COLLAPSE IN THE NOVEL PEREMPUAN POLITIKUS MELAYU FROM PERSPECTIVE
OF AL-GHAZALI*

Siti Nur Anis MUHAMMAD APANDI¹

Tengku Intan Marlina TENGKU MOHD ALI²

Eizah Mat HUSSEIN^{*3},

Mohd Taufik Arridzo MOHD BALWI⁴

^{1, 2, 3, & 4} Akademi Pengajian Melayu, Univeristi Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

¹sitinuranis1988@gmail.com

²inmarlin@um.edu.my

^{*3}eizah@um.edu.my

⁴taufik@um.edu.my

Corresponding Author^{*}

Received: 17th January 2024

Accepted: 10th April 2024

ABSTRAK

Faisal Tehrani merupakan seorang penulis sastera kontemporari yang kerap kali menghasilkan karya-karya berkaitan krisis masyarakat dalam pelbagai aspek, iaitu dari sudut ekonomi, politik dan, sosial. Novel *Perempuan Politikus Melayu* yang dihasilkan pada tahun 2016 merupakan salah satu novel beliau yang mengetengahkan pelbagai bentuk keruntuhan akhlak dalam sebuah kelompok masyarakat seperti konflik dalam hubungan pemerintah dengan rakyat, pasangan kekasih dan juga hubungan kekeluargaan. Isu keruntuhan akhlak tersebut digarap melalui pelbagai tindakan yang menyalahi ajaran agama Islam dan nilai norma masyarakat Melayu yang dipaparkan menerusi watak-watak tertentu. Kajian ini dilaksanakan bagi memahami jenis-jenis perlakuan keruntuhan akhlak yang telah didasari oleh nafsu marah, benci dan dendam. Kajian ini juga telah menggariskan tiga objektif utama, iaitu mengenalpasti isu keruntuhan akhlak menerusi novel kajian, menganalisis serta menilai kesan keruntuhan akhlak dalam novel tersebut dengan menggunakan Pendekatan *Ihya' Ulumuddin* yang dipelopori oleh Al-Ghazali (2013). Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif, iaitu analisis wacana. Hasil kajian mendapati bahawa isu keruntuhan akhlak yang ditunjukkan dalam novel *Perempuan Politikus Melayu* benar-benar tidak selari dengan ajaran Islam dan harus dijauhi agar manusia dapat menjamin kesejahteraan sejagat. Kesimpulannya, kajian ini bermatlamat untuk memberi nilai pendidikan kepada semua pihak untuk lebih memahami dan mengenali bentuk-bentuk keruntuhan akhlak yang kerap kali berlaku dalam

masyarakat berdasarkan novel kajian hingga berupaya membentuk normalisasi yang negatif dalam kehidupan mereka. Di samping itu, kajian ini diharapkan berupaya menjadi salah satu strategi utama yang boleh digunakan oleh masyarakat untuk lebih memahami dan menghindari tingkah laku negatif berdasarkan penilaian agama dan norma hidup masyarakat Melayu.

Kata Kunci: Keruntuhan akhlak, novel *Perempuan Politikus Melayu*, *al-Muhlikat*, *Ihya' Ulumuddin*.

ABSTRACT

Faisal Tehrani is a contemporary literary writer who is keen to produce works related to the crisis of society in various aspects, namely from an economic, political and, social perspective. The *Perempuan Politikus Melayu* novel produced in 2016 is one of his novels that describes various forms of moral collapse in a group of society such as conflicts in government relations with the people, lovers and family relations. The problem of moral collapse is raised through various acts that violate the teachings of Islam and the values of the norms of the Malay community displayed through certain characters. This study was conducted in order to understand the kinds of morally disastrous treatments that have been based on anger, hatred and vengeance. The study has also outlined three main objectives, namely, identifying the issue of moral collapse through the study novel, analyzing and evaluating the impact of moral colapse in the novel using the *Ihya' Ulumuddin* Approach pioneered by Al-Ghazali (2013). The methodology used is a qualitative approach, i.e. discourse analysis. The results of the study revealed that the issue of moral collapse that is presented in the novel of the *Perempuan Politikus Melayu* is completely inconsistent with the teachings of Islam and must be avoided in order for mankind to guarantee universal well-being. In conclusion, this study aims to provide educational value to all parties to better understand and recognize the forms of moral decay that often occur in society based on the novel study to be able to form a negative normalization in their lives. In addition, this study is expected to be one of the main strategies that can be used by the community to better understand and avoid negative behavior based on the assessment of religion and the life norms of the Malay community.

Keywords: The problem of moral collapse, *Perempuan Politikus Melayu* novel, *al-Muhlikat*, *Ihya' Ulumuddin*.

Pengenalan

Akhhlak merupakan suatu indikator atau kayu ukur dalam membangunkan sesebuah tamadun manusia bangsa kerana akhlak yang baik mampu melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai jati diri yang tinggi (Nasaruddin Desa @ Man et al., 2018). Kata akhlak berasal daripada bahasa Arab yang berbentuk kata jamak, iaitu *khaluq* bermaksud perangai, amalan atau tindakan, tabiat, kebiasaan, maruah dan sebagainya. Akhlak yang baik bertindak sebagai usaha dalam mencari keredaan Allah SWT dalam kehidupan di dunia dan akhirat, manakala akhlak yang buruk pula hanya mementingkan kepuasan nafsu semata-mata tanpa memikirkan kemurkaan Allah SWT dan kesannya selepas kematian (akhirat). Kriteria penetapan akhlak dalam kehidupan manusia sepenuhnya bergantung kepada al-Quran, sunnah dan meneladani perilaku yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Buktinya, Allah SWT telah memuji akhlak mulia yang dimiliki oleh Rasulullah SAW seperti yang terdapat dalam ayat suci al-Quran menerusi surah *al-Imran*, iaitu “*Sesungguhnya engkau seorang yang memiliki peribadi agung (mulia)*”(terjemahan) (Al-Quran, 2014, p. 68).

Akhhlak juga merujuk kepada perbuatan yang dilakukan oleh individu dalam kehidupan sehari-harian dan ia terdiri daripada dua kategori, iaitu akhlak *mahmudah* dan *mazmumah*. Al-Quran merupakan kalam daripada Allah SWT yang diutuskan kepada Nabi Muhammad SAW untuk mengubah akhlak seluruh manusia kerana akhlak merupakan elemen yang sangat penting dalam mencorakkan kehidupan setiap manusia serta menentukan tingkah laku dan perbuatan baik atau sebaliknya (Nasarudin Desa @ Man et al., 2018). Secara asasnya, akhlak terbahagi kepada dua kategori, iaitu akhlak baik (ketinggian akhlak) atau akhlak buruk (keruntuhan akhlak).

Keruntuhan akhlak bermaksud rosaknya akhlak seseorang, masyarakat, bangsa atau negara dibuktikan dengan melakukan perkara atau perbuatan yang menyalahi, menyimpang dan bertentangan dengan nilai akhlak terpuji, etika dan moral yang diajar dalam agama Islam dan adat masyarakat Melayu. Antara tingkah laku yang menggambarkan keruntuhan akhlak ialah terlibat dengan seks bebas, berkhalwat, bersekedudukan, lari dari rumah, penagihan dadah dan meminum minuman keras, lepak, lumba haram, rasuah dan penglibatan dalam jenayah seperti mencuri, merompak, merogol, meliwat, membunuh, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan sebagainya. Nurhamizah Hashim (2015) menyatakan bahawa keruntuhan akhlak sebagai sifat akhlak yang terdiri daripada sifat pemarah, sompong, dengki, berpura-pura, pendendam, khianat, riak, kufur, syirik, takbur, mengadu domba dan putus asa.

Definisi keruntuhan akhlak mempunyai persamaan dengan takrifan akhlak *mazmumah* yang membawa maksud perilaku-perilaku negatif yang bertentangan dengan kehendak Allah SWT dan nilai-nilai norma sebagai manusia. Al-Ghazali (2013) menerusi kitab *Ihya' Ulumuddin* mendefinisikan akhlak *mazmumah* sebagai perbuatan-perbuatan atau tindakan yang jahat dan dikategorikan sebagai sifat *mazmumah*, iaitu sifat buruk seperti zina, zalim, dendam, marah, benci, melakukan penindasan, berperilaku tidak adil dan sifat-sifat keji yang dibenci oleh Allah SWT. Takrifan keruntuhan akhlak merupakan krisis akhlak yang berbentuk kemerosotan atau kerosakan budi pekerti yang sudah memasuki fasa yang membimbangkan (Nasarudin Desa et al., 2018).

Isu keruntuhan akhlak merupakan perkara yang tidak asing dalam kehidupan manusia dan perkara ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengenal perbezaan ras, usia, jantina dan status sosial. Keadaan ini telah menjadikan isu atau elemen keruntuhan akhlak seringkali diperdebatkan dalam pelbagai bentuk perbincangan sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui forum, berita, ceramah agama dan perbincangan secara akademik. Selain itu, isu-isu berkaitan konflik kehidupan masyarakat seperti keruntuhan akhlak juga menjadi tema dan persoalan utama bagi tujuan garapan idea oleh penulis. Karya penulisan yang banyak mengangkat isu-isu berkaitan amalan atau tindakan seperti keruntuhan akhlak dikenali sebagai sastera budaya dalam

kesusasteraan Melayu moden semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana masyarakat menganggap bahawa karya sastera merupakan gambaran sebenar kehidupan dan persekitaran masyarakat. Selain itu, karya-karya sastera juga berperanan sebagai medium warisan budaya dan tamadun sesuatu bangsa daripada satu generasi ke satu generasi lain. Keadaan ini membolehkan hasil kesusasteraan bertindak sebagai cerminan masyarakat yang merekodkan segala hal yang berlaku dalam kerangka masa tertentu (A. Wahab Ali, 2012).

Kajian ini merupakan kajian dalam bidang kesusasteraan moden yang memfokuskan kepada unsur intrinsik, iaitu berfokuskan kepada elemen keruntuhan akhlak menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* karya Faisal Tehrani (2016). Penelitian terperinci telah diberikan terhadap tiga aspek keruntuhan akhlak, iaitu menerusi sifat marah, benci dan dendam. Hal ini kerana Al-Ghazali (2013) menerusi pendekatan *Ihya' Ulumuddin* menjelaskan bahawa ketiga-ketiga sifat tersebut telah dikelompokkan sebagai kerendahan atau keruntuhan akhlak yang dijauhi dalam kehidupan seharian. Selain itu, tumpuan terhadap elemen keruntuhan akhlak menerusi novel sastera juga diberikan tumpuan kerana elemen keruntuhan akhlak yang dikemukakan adalah bagi tujuan pendidikan kepada masyarakat dan bukannya berhasrat ingin menjatuhkan kredibiliti penulis ataupun mencemarkan imej karya (Siti Nur Anis Muhammad Apandi et al., 2020,).

Berdasarkan sketsa masyarakat menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* (2016), *Engkaulah Adiwiraku* (2020), pemaparan dan informasi berkaitan elemen keruntuhan akhlak dianalisis dalam memperlihatkan peranannya dalam menyampaikan maklumat penting kepada khalayak sasaran menggunakan *rubu' al-Muhlikatuhlikat* yang terdapat dalam pendekatan *Ihya' Ulumuddini* oleh Al-Ghazali (2013). Kajian ini juga memperlihatkan bahawa karya-karya sastera tempatan berupaya menjadi medium dalam menyampaikan maklumat penting kepada semua lapisan masyarakat yang akhirnya memperbaiki impak positif dalam pembentukan akhlak individu. Menurut Nugrahani (2017), karya-karya sastera seperti novel dilihat dapat memberi sumbangan besar dan menjadi medium sokongan yang signifikan dalam pembangunan umat manusia khususnya dalam aspek sahsiah diri. Merujuk pandangan tersebut, dapat dijelaskan bahawa karya sastera bukan hanya penting dalam aspek komersial, namun turut mempunyai peranan yang khusus dalam membantu masyarakat membentuk keperibadian mulia.

Sorotan Literatur

Sasmika dan rakan-rakan (2022) telah mengkaji masalah sosial menerusi teks sastera pilihan menerusi artikel yang berjudul *Masalah Sosial dalam Novel La Muli Karya Nunuk Y. Kusmiana*. Kajian tersebut telah menggariskan sembilan masalah sosial yang berkait rapat dengan keruntuhan akhlak manusia menerusi novel kajian seperti penyelewengan terhadap nilai-nilai norma masyarakat, masalah atau kekacauan institusi kekeluargaan, masalah lingkungan kehidupan, jenayah, perperangan, birokrasi, kemiskinan, masalah generasi muda dalam masyarakat kekinian (moden) dan masalah penduduk atau kependudukan. Sasmika dan rakan-rakan (2022) juga telah mengemukakan hujahan bahawa masalah-masalah sosial yang sering kali muncul dalam masyarakat didasari oleh desakan diri sendiri, desakan persekitaran dan taraf hidup individu. Kajian tersebut turut menjelaskan bahawa karya sastera bukan semata-mata berfungsi untuk mengekspresikan jiwa pengarang, malah turut menjadi alat untuk menggambarkan keadaan realiti dalam masyarakat bagi sesebuah zaman. Kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Sasmika dan rakan-rakan pada tahun 2022 berdasarkan aspek penggunaan teks dan pendekatan kajian. Kajian tersebut menggunakan novel *La Muli* karya Nunuk Y. Kusmiana dan mengaplikasikan Teori Sosiologi oleh Warren dan Wellek (1956). Kajian ini pula menggunakan novel *Perempuan Politikus Melayu* karya Faisal Tehrani dengan mengaplikasikan Pendekatan *Ihya' Ulumuddin* oleh Al-Ghazali (2013).

Nurshazeera Khazri & Che Abdullah Che Ya (2017) telah mengetengahkan isu kritikan terhadap masyarakat dalam pelbagai sudut kehidupan menerusi artikel yang bertajuk *Kritikan Sosial dalam Novel Embargo: Satu Penelitian Satira*. Kajian tersebut memberikan tumpuan khusus

terhadap kepelbagaian elemen satira yang dianggap berkait rapat dengan elemen keruntuhan akhlak manusia. Satira membawa pengertian kritikan, kejian, cacian, kiasan, ironi, sarkasme, tempelakan serta sindiran. Kajian tersebut telah meneliti aspek satira dalam novel *Embargo* menerusi dua aspek utama, iaitu kritikan terhadap isu sosiopolitik dan sosiobudaya. Kritikan dalam aspek sosiobudaya dapat dilihat melalui penemuan unsur sindiran kepada masyarakat yang memiliki ilmu pengetahuan yang sempit, tidak memahami sejarah negara, tidak mempunyai semangat keberanian, suka menyebarkan fitnah, mengutamakan rasa benci serta dendam antara satu sama lain dalam anggota masyarakat, kerendahan moral dan budaya kerja, masyarakat yang mudah terpengaruh dengan budaya luar dan masyarakat yang tidak menghargai bahasa serta karya sendiri. Perbezaan antara kajian ini dengan kajian yang dilakukan oleh Nurshazeera Khazri & Che Abdullah Che Ya ialah dari segi isu yang difokuskan. Kajian tersebut memberi tumpuan khusus kepada aspek sejarah yang mempengaruhi perlakuan negatif masyarakat, manakala kajian ini memperincikan elemen keruntuhan akhlak yang bersifat horizontal tanpa menyentuh secara terperinci tentang sejarah lampau pelaku.

Artikel seterusnya yang memaparkan isu berkaitan konflik akhlak manusia adalah kajian daripada Md Zawawi Abu Bakar & Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah (2016) bertajuk *Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih* melalui tiga novel remaja terpilih, iaitu *6:20, Merenang Gelora dan Azfa Hanani*. Berlandaskan Teori Humanistik dari Abraham Maslow (1971), kajian ini telah membincangkan isu konflik dengan mengklasifikasi dan menganalisis konflik remaja dan perkaitannya dengan keadaan realiti kehidupan masyarakat. Hasil kajian mendapati bahawa ketigatiga novel yang dikaji memaparkan pergolakan hidup yang telah dilalui oleh masyarakat remaja pada masa kini seperti konflik dalam keluarga, diri dan rakan sebaya. Konflik dalam keluarga yang memberi kesan negatif adalah melalui peniruan sikap negatif ibu bapa oleh anak mereka. Selain itu, perilaku buruk ibu bapa turut menghakis rasa hormat anak-anak sehingga teguran yang diberikan tidak dipandang serius oleh anak-anak. Zawawi Abu Bakar & Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah (2016) turut menjelaskan konflik dalam diri merujuk kepada kekacauan jiwa yang dipaparkan menerusi watak remaja itu sendiri ekoran daripada masalah-masalah tertentu. Kajian tersebut juga memperlihatkan bahawa kekacauan jiwa melalui watak remaja melahirkan pelbagai bentuk perasaan yang tidak sihat seperti memiliki perasaan marah dan dendam yang akhirnya merosakkan kehidupan remaja. Perbezaan antara kajian ini dengan kajian yang dilakukan oleh Md Zawawi Abu Bakar & Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah (2016) ialah penekanan khusus kepada aspek emosi dan kejiwaan keseluruhan watak yang dikaji. Berbeza dengan kajian ini yang meneliti elemen keruntuhan akhlak yang dizahirkan menerusi tindakan atau perlakuan watak yang boleh dilihat dan dirasai oleh pihak lawan dan tidak terlalu memfokuskan aspek kejiwaan pelaku.

Noor Farhah Rosli (2021) mengetengahkan pelbagai bentuk nafsu yang wujud dalam diri anggota masyarakat dalam novel-novel tulisan Fatimah Syarha yang mencakupi aspek nafsu baik dan nafsu jahat. Secara tidak langsung, kajian tersebut memperlihatkan fungsi sastera dalam memberi gambaran tenang dunia realiti masyarakat Melayu melalui penulisan kreatif dan seni berbahasa. Proses pemantapan kajian diteruskan dengan pengaplikasian pendekatan *Ihya' Ulumuddin* yang diasaskan oleh Al-Ghazali bagi menjelaskan bentuk-bentuk nafsu yang ditemui, sama ada berada dalam kelompok nafsu baik atau sebaliknya. Berdasarkan pendekatan Islam yang telah digunakan, kajian tersebut dapat mengesan serta menjelaskan tentang bentuk-bentuk nafsu manusia yang digambarkan dalam pelbagai bentuk keadaan termasuklah dalam aspek tingkah laku seseorang individu tersebut. Menerusi kajian Noor Farhah Rosli (2021), bentuk-bentuk nafsu ammarah terdiri daripada berbagai aspek seperti kedekut, tamak dan cintakan harta dunia, dendam kesumat, khianat dan berniat jahat, sompong dan sebagainya. Nafsu *lawammah* pula melibatkan bentuk-bentuk nafsu yang sentiasa mencela dan mengkritik diri sendiri seperti *ujub, riyā', sumā'ah*, mencela kesalahan diri dan sifat-sifat *mazmumah* yang lain. Perbezaan antara kajian tersebut dengan kajian ini ialah subjek utama kajian. Kajian ini memfokuskan elemen keruntuhan akhlak yang diperlihatkan secara

luaran (zahir), manakala kajian tersebut membincangkan akhlak buruk watak dan dikaitkan secara khusus dengan nafsu individu tersebut.

Rajak & Nordiana Hamzah (2021) membincangkan pendidikan beradab dalam pembentukan karakter manusia yang baik. Penyelidikan ini mengangkat kepentingan adab sebagai perkara asas dalam pembentukan akhlak yang baik. Penekanan tentang adab dalam masyarakat khususnya dalam aspek pendidikan dianggap sebagai satu usaha yang murni kepada semua pihak. Kajian tersebut telah mengemukakan tujuh unsur penting berkaitan perilaku manusia yang baik dan harus disemai dalam diri setiap individu. Antaranya ialah ketulusan hati atau kejujuran, belas kasihan, gagah berani, kasih sayang, mampu mengawal emosi dan diri, kerjasama dan gigih berusaha. Kajian tersebut turut mengemukakan pandangan Al-Ghazali yang menyatakan bahawa terdapat empat kategori utama adab yang perlu dijaga oleh umat manusia, antaranya adalah adab kepada Allah SWT, adab kepada alam semesta, adab antara sesama manusia dan adab kepada diri sendiri. Perbezaan antara kajian daripada Rajak & Nordiana Hamzah (2021) dengan kajian ini ialah dalam aspek penggunaan *rubu'* dalam pendekatan *Ihya' Ulumuddin* oleh Al- Ghazali dan fokus kajian yang diberikan dalam kajian masing-masing. Kajian ini memberi tumpuan sepenuhnya terhadap elemen keruntuhan akhlak dalam novel kajian yang dianalisis dengan menggunakan *rubu' al-Muhlikat*, manakala kajian tersebut mengetengahkan perkara berkaitan adab dan nilai positif berdasarkan novel kajian dan menggunakan *rubu' al-Adab*.

Berdasarkan sorotan kajian yang telah dijalankan, dapat dilihat bahawa elemen keruntuhan akhlak dalam novel sastera tempatan masih kurang diteliti mengaplikasikan pendekatan Islam khususnya menggunakan *rubu' al-Muhlikat* berdasarkan pendekatan *Ihya' Ulumuddin* oleh Al- Ghazali. Di samping itu, dapatan kajian memperlihatkan bahawa kepentingan meningkatkan koleksi penyelidikan terhadap mesej-mesej yang telah diketengahkan oleh pengarang menerusi karya-karya yang dihasilkan bagi tujuan pendidikan formal dan tidak formal kepada semua lapisan masyarakat. Kesimpulannya, penyelidikan berkaitan elemen keruntuhan akhlak dalam novel-novel sastera sememangnya diperlukan bagi tujuan membantu masyarakat memahami bentuk-bentuk tindakan bertentangan dengan Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif analisis wacana (*discourse analysis*) bagi mengesan elemen keruntuhan akhlak menerusi novel kajian. Selain itu, proses pemantapan kajian diteruskan lagi dengan pengaplikasian pendekatan *Ihya' Ulumuddin*. Pendekatan tersebut mengandungi empat *rubu'*, iaitu *rubu' al-Munjiyat*, *al-Adab*, *al-Ibadah* dan *al-Muhlikat*. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya mengaplikasikan *rubu' al-Muhlikat* bagi meneliti aspek keruntuhan akhlak berdasarkan aspek yang telah ditetapkan. *Rubu' al-Muhlikat* mengandungi 10 kitab, namun pemilihan secara berfokus telah dilakukan terhadap *rubu'* berkenaan. Hasilnya, hanya tiga kitab sahaja yang dipilih kerana bertepatan dengan objektif kajian, iaitu *Kitab Tercelanya Hawa Nafsu, Perut dan Kemaluan*, *Kitab Bahaya Lidah* dan *Kitab Tercelanya Terpedaya dengan Kesenangan Duniawi*. Ketiga-tiga kitab tersebut didapati signifikan dalam membincangkan tiga isu utama dalam kajian ini.

Fokus kajian berkaitan elemen keruntuhan akhlak menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* adalah merujuk kepada tindakan yang bersifat marah, dengki dan dendam. Ciri tersebut mempunyai ikatan yang kuat dalam melahirkan budaya akhlak yang buruk dalam diri manusia. Dendam membawa pengertian suatu perasaan yang hadir daripada rasa marah, berang atau benci dalam hati seseorang individu dan kebiasaannya perasaan itu dipendam secara rahsia. Lazimnya, kesemua perasaan tersebut lahir melalui rasa dengki dan ketidakpuasan hati dalam diri seseorang terhadap sesuatu perkara yang telah berlaku. Al-Ghazali telah menyatakan dengan cukup jelas antara perkaitan marah, dendam dan dengki menerusi kitab *Ihya' Ulumiddin*, iaitu:

Ketahuilah, bahawa dengki juga termasuk sebahagian dari natijah (hasil) dendam. Dan dendam itu termasuk sebahagian dari natijah marah, Jadi dengki itu cucunya marah (anak dari anaknya). Dan marah itu neneknya dengki (asal dari asalnya). Kemudian, dengki itu mempunyai cabang-cabang yang tercela, yang hampir tidak dapat dihindarkannya.

(Al-Ghazali, 2013, p. 207)

Petikan di atas menjelaskan bahawa marah dan dendam merupakan sebuah perasaan negatif yang lahir dari rumpun yang sama, iaitu sifat tercela dalam diri manusia dimulai dengan kehadiran rasa marah dan rasa marah. Rasa marah itu akan melahirkan rasa dendam kemudian melahirkan rasa dengki dalam diri manusia. Al-Ghazali (2013) juga mengingatkan manusia bahawa pengakhiran daripada pertalian tersebut cenderung untuk menjadi punca kepada perkara-perkara tercela yang mungkin tidak dapat dihindari oleh manusia. Sifat dendam dan dengki juga akan melahirkan perasaan huru hara dalam diri manusia seperti rasa cemas, takut, putus asa, gelisah dan sakit hati dalam jangka masa yang panjang. Selain itu, kesan terhadap timbulnya rasa marah, dendam dan dengki juga diperjelaskan dalam pendekatan *Ihya' Ulumudiin* seperti berikut, iaitu:

Di antara natijah (hasil) dari marah itu, ialah dendam dan dengki. Dengan dendam dan dengki, binasalah orang yang binasa dan rusaklah orang yang rusak. Dan tempat tinggal dendam dan dengki itu, ialah sekumpul daging (*mudl-ghah*). Apabila daging yang terkumpul itu baik, niscaya baiklah tubuh yang lain bersamanya.

(Al-Ghazali, 2013, p. 145)

Petikan di atas menunjukkan bahawa Al-Ghazali mentakrifkan dendam adalah suatu tindakan yang lahir daripada rasa marah dalam diri seseorang. Di samping itu, rasa marah juga akan melahirkan sifat dengki manusia. Al-Ghazali juga menjelaskan bahawa hati (*mudl-ghah*) manusia menjadi tempat untuk dendam dan dengki bertapak. Beliau juga mengingatkan manusia agar melihat kepentingan hati kerana baik buruk tubuh dan budi pekerti manusia adalah berpaksikan hati mereka.

Kaitan sifat marah, dendam dan dengki dapat memberi kesan negatif kepada manusia. Hal ini kerana kegagalan manusia dalam membendung dan menghindari diri dari sifat-sifat tersebut menyebabkan manusia cenderung melakukan tindakan yang menghancurkan secara terang-terangan atau sembuni (dalam bentuk ghaib). Hamka (1992) menyatakan bahawa budi pekerti yang buruk adalah sejenis penyakit batin manusia yang melahirkan sifat tercela berdasarkan akal dan syarak seperti sifat *ujud*, riak, sompong, bangga diri, menipu dan dendam. Segala sifat tercela itu sememangnya tidak akan memberi ketenteraman kepada manusia dan hanya menjadikan manusia lebih tersasar dari kebenaran. Al-Ghazali menerusi Pendekatan *Ihya' Ulumuddin* (2013) menjelaskan kesan daripada sifat dendam adalah seperti berikut, iaitu:

Ketahuilah, bahawa marah itu apabila ditahan, niscaya akan lemah dari kesembuhannya dalam seketika. Ia kembali ke dalam dan tertahan disisi-tu. Lalu menjadi dendam. dan arti dendam ialah hati itu terus merasa berat, marah dan lari hati dari orang yang didendam. Yang demikian itu terus menerus dan berkekalan.

(Al-Ghazali, 2013, p. 190)

Petikan di atas menjelaskan bahawa dendam yang lahir daripada sifat marah menyebabkan manusia menjadi lemah dan sukar untuk sembuh darinya kerana rasa dendam yang telah lahir biasanya akan mendiami hati dalam jangka masa tertentu sebelum sembuh (sekiranya sembuh).

Marah, dendam dan dengki juga menjadikan manusia berasa sakit hati dengan pihak yang didendaminya dan rasa itu akan terus berpanjangan dalam kehidupan mereka. Manusia harus menyedari bahawa rasa jauh hati boleh menjadikan wujudnya rasa benci terhadap pihak yang terbabit dalam situasi marah, dendam dan dengki. Hal ini mengakibatkan pihak yang marah, berdendam dan dengki sanggup melakukan pelbagai perkara demi menyenangkan hati mereka meskipun tindakan itu bertentangan dengan nilai positif dari segi hukum, nilai dan syarak.

Analisis Data dan Perbincangan

Manusia merupakan makhluk sosial yang mempunyai pelbagai rasa di dalam dirinya yang berkait rapat dengan pembentukan akhlak dan emosi individu. Safrudin Al- Baqi (2015) menjelaskan bahawa perasaan manusia terbahagi kepada tiga bahagian utama, iaitu suasana hati, perasaan itu sendiri dan emosi manusia. Emosi manusia dapat menentukan sikap dan fikiran yang akhirnya melahirkan tindakan, perilaku dan perasaan yang dianggap bersesuaian dengan diri mereka (Lewis & Jones, 2000). Hal ini menjadikan emosi dapat menzahirkan bentuk-bentuk akhlak manusia. Akhlak berdasarkan perspektif Islam merupakan bentuk budaya perilaku dan sifat manusia yang telah sebatи dengan diri mereka sehingga budaya tersebut boleh dilakukan secara semula jadi, mudah dan tidak teragak-agak. Al-Ghazali (2017) mentakrifkan akhlak sebagai suatu sifat atau perilaku yang sudah sebatи dan tertanam dalam jiwa setiap manusia sehingga menyebabkan perbuatan menjadi spontan tanpa memerlukan pertimbangan pemikiran. Penjelasan yang dikemukakan oleh Al-Ghazali menjelaskan bahawa akhlak merupakan suatu komponen yang berkait rapat dengan emosi dan perasaan individu.

Akhlak merupakan ukuran kepada keperibadian setiap individu dan juga boleh ditakrifkan sebagai moral, tabiat, perilaku, budi adab, sifat semulajadi dan watak seseorang. Akhlak berasal daripada Arab, iaitu *al- akhlaaku* yang merupakan kata jamak daripada perkataan *al-khuluq*. Perkataan tersebut membawa pengertian keadaan dalam diri yang akan melahirkan pelbagai tingkah laku baik atau buruk tanpa perlu dirancang atau difikirkan (Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi Othman, 2017). Ketika akhlak seseorang tercemar dengan wujudnya nilai-nilai yang tidak selari dengan syariat Islam, maka individu tersebut dikategorikan manusia yang berkeperibadian tercela (Suryadarma & Haq, 2010). Menerusi kajian ini, elemen keruntuhan akhlak telah dikaitkan dengan tiga bentuk emosi atau perasaan yang ada dalam diri manusia, iaitu dendam, benci dan marah yang telah ditonjolkan menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* (2016). Walau bagaimanapun, Al-Ghazali (2013) telah menjelaskan bahawa perasaan negatif dalam diri manusia seperti dendam dan benci lazimnya diawali dengan perasaan marah.

Keruntuhan Akhlak Berdasarkan Sifat Marah

Perasaan marah merujuk kepada emosi atau keadaan emosional, iaitu seseorang merasa kesal, marah, atau geram terhadap sesuatu atau seseorang. Perasaan sedemikian sering kali disertai dengan perasaan tidak puas hati terhadap sesuatu yang dianggap tidak adil, mengganggu, atau merugikan. Irfan Amalee (2020) menjelaskan bahawa perasaan marah dalam konteks Islam merupakan suatu perkara yang wajar jika didasari dengan pengawalan emosi yang betul dan mempunyai nilai pendidikan yang baik. Walau bagaimanapun, rasa marah yang melampau dengan didasari perasaan yang tidak baik sehingga mengakibatkan munculnya tindakan-tindakan negatif merupakan suatu tindakan yang merugikan diri sendiri. Hal ini kerana rasa marah yang melampau boleh mendorong manusia untuk berada dalam situasi tidak waras atau hilang pertimbangan akal hingga melakukan perkara-perkara yang berdosa dan dibenci oleh Allah SWT seperti bersikap tidak baik kepada pasangan dalam bertutur kata. Buktinya dapat dilihat menerusi petikan di berikut, iaitu:

Datin Malini meraung gila.

Siapa yang melampau. Awak ingat awak saja yang tahu marah. Saya adukan pejabat agama. Saya boleh buat... saya adukan... lepas tu awak jangan ingat awak nak berpolitik. Saya buat sidang akhbar... biar awak hancur! Anjing.

(Faisal Tehrani, 2016, p. 87)

Elemen keruntuhan akhlak dalam novel *Perempuan Politikus Melayu* dapat dilihat menerusi petikan di atas yang menunjukkan peristiwa kemarahan antara pasangan suami isteri, iaitu Datin Malini dan Datuk Zuri. Isteri ahli politik berkenaan digambarkan dalam keadaan terlalu marah kepada suaminya yang sering berlaku curang dan gemar melanggan pelacur demi kepuasan nafsunya. Datin Malini telah menzahirkan rasa marahnya dengan menggunakan bahasa disfemisme ketika proses pertengkaran terjadi. Datin Malini telah menggelarkan suaminya dengan gelaran kasar, iaitu "anjing". Gelaran tersebut juga diberikan kerana Datin Malini mendapati Datuk Zuri telah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga, khususnya dalam aspek menjaga keharmonian rumah tangga mereka.

Merujuk konteks Islam, seorang isteri tidak sepatutnya menggunakan kata-kata kesat terhadap suami meskipun dalam keadaan marah kerana perbuatan sedemikian merupakan salah satu bentuk keruntuhan akhlak yang dibenci oleh Allah SWT. Al-Ghazali (2013) menjelaskan bahawa Islam amat memandang serius perkara yang melibatkan kekejadian lidah umatnya kerana perbuatan tersebut boleh mendatangkan kemungkaran Allah SWT serta mengakibatkan golongan yang mengamalkan penggunaan kata-kata keji mendapat siksaan neraka. Oleh itu, isteri harus mempunyai mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa menzahirkan rasa marah dengan menggunakan kata-kata kasar merupakan suatu tindakan yang tidak berakhlek dan harus dihentikan penggunaannya dalam kehidupan. Merujuk kepada watak Datin Malini, beliau sepatutnya mempunyai rasa hormat dan menggunakan panggilan hormat kepada Datuk Zuri meskipun dalam situasi marah bagi tujuan menjaga keharmonian rumah tangga. Keharmonian rumah tangga harus didasari dengan pelbagai perkara yang baik seperti mengamalkan nilai bersyukur, saling bertolak ansur, sabar, jujur, mengasihi seluruh ahli keluarga dan menghormati antara pasangan (Nurislamiah, 2021).

Selain itu, elemen keruntuhan akhlak dalam novel *Perempuan Politikus Melayu* dalam konteks marah dilanjutkan lagi dengan pemaparan sikap dingin Datuk Zuri terhadap orang suruhannya dalam berkata-kata. Buktinya seperti berikut, iaitu:

"Kata Saad dan Roaf sejak semalam lagi keadaan terkawal! Datuk Zuri bernada geram. *Confirmed* kata mereka. *Confirmed* ini jadinya, *Confirmed* haram jadah... babi bebal!".

(Faisal Tehrani, 2016, p. 37).

Petikan berikut membuktikan wujudnya elemen keruntuhan akhlak dalam diri Datuk Zuri melalui peristiwa dia menzahirkan kemarahannya menerusi kata-kata kesat kepada dua orang suruhannya itu. Datuk Zuri telah mencemuh dan menyindir orang suruhannya yang dianggap tidak boleh diharapkan dalam melaksanakan tugas dengan panggilan "babi bebal". Gelaran nama haiwan yang diberikan kepada manusia merupakan suatu tindakan yang tidak bermoral. Dalam konteks Islam, semua anggota badan babi atau khinzir, iaitu dari kulit hingga ke organ dalaman merupakan suatu perkara haram disentuh dan dimakan, manakala dari segi sains pula telah terbukti bahawa daging khinzir mengandungi banyak keburukan berbanding kebaikan (Lubis, 2013). Budaya

masyarakat Melayu yang berpegang teguh kepada ajaran Islam telah menganggap babi sebagai haiwan yang haram dan kotor serta patut dijauhi dalam kehidupan.

Berdasarkan sentimen masyarakat Melayu pula, penggunaan perkataan “babi” kepada masyarakat Melayu muslim merupakan satu lambang penghinaan terhadap umat Islam yang boleh membawa kepada percaduhan (Mohd Roslan Mohd Nor, 2015). Perkataan “bebal” pula merujuk kepada kebodohan melampau dalam diri seseorang. Bebal merujuk kepada keadaan individu yang mempunyai sifat bertentangan dengan kebijaksanaan atau merujuk kepada sifat-sifat orang yang fasik dan perkataan sedemikian boleh mendatangkan rasa dukacita kepada banyak pihak termasuk ibu bapa yang melahirkan mereka (Sin, 2018). Oleh itu, menggelarkan seseorang dengan gelaran “babi bebal” merupakan suatu bentuk keruntuhan akhlak yang melanggar kesopanan dan budaya komunikasi masyarakat Melayu. Di samping itu, Islam juga melarang umat manusia untuk menggunakan bahasa yang tidak baik semasa berkomunikasi. Al-Ghazali (2013) menjelaskan bahawa Rasulullah SAW melarang umat manusia menggunakan perkataan kasar terhadap individu lain sehingga mengakibatkan timbulnya rasa malu pihak tersebut.

Kesimpulannya, dapat dibuktikan bahawa elemen keruntuhan akhlak berdasarkan sifat marah sememangnya wujud menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu*. Berdasarkan analisis yang dikemukakan, dapat dibuktikan bahawa tindakan yang diiringi oleh sikap marah merupakan suatu tindakan yang tidak selari dengan ajaran Islam. Hal ini kerana perkara tersebut boleh mendatangkan kemudarat kepada banyak pihak termasuk golongan yang lemah dan tidak bersalah.

Keruntuhan Akhlak Berdasarkan Sifat Benci

Perasaan benci merujuk kepada emosi negatif yang mendalam terhadap seseorang, sesuatu perkara, ataupun sesuatu situasi. Sukyadi (2006) menjelaskan maksud benci seperti berikut, iaitu:

Rasa benci akan muncul jika perasaan seseorang terganggu oleh orang lain (sosiologis), misalnya: (1) merasa dikhianati dan dikecewakan, merasa dibohongi, merasa difitnah, merasa tersinggung perasaannya, merasa cita-citanya terhalang, teringat kepada hal-hal yang menyedihkan, dibuat marah oleh orang lain, dituduh tanpa alasan, (2) atau gangguan itu bukan pada perasaan tapi pada loyalitas -tidak dapat mengembang amanat, loyalitasnya terganggu, dan (3) atau jika seseorang menjumpai situasi yang tak menguntungkan menjumpai kenyataan yang tidak diharapkan, mendapatkan sesuatu yang tak diharapkan.

(Sukyadi, 2006, p. 175)

Petikan di atas menjelaskan bahawa benci merupakan suatu perasaan yang tidak menyelesakan dalam diri seseorang yang didasari oleh pelbagai faktor. Perasaan ini mampu mengancam kedudukan atau kehidupan mereka. Selain itu, perasaan benci juga merujuk kepada perasaan yang lebih sukar daripada hanya tidak setuju atau tidak suka dan perasaan tersebut boleh muncul berdasarkan pelbagai faktor seperti pengalaman buruk, perselisihan faham atau konflik individu. Situasi benci mengikut takrifan tersebut boleh dilihat secara jelas dengan tindakan Datuk Zuri yang melakukan tindakan pembunuhan terhadap Jenny kerana mempunyai konflik secara peribadi dengan wanita tersebut. Buktinya adalah seperti berikut, iaitu:

Ford yang di pandu Jenny meluncur tanpa had. Jeritan Jenny nyaring terngiang di cuping telinga. Penyanyi itu menekan brek, tidak berkesan apa-apa. Kereta itu melanggar tebing jalan, terhumban ke tepi, bumm, ia bergolek beberapa kali sebelum berdentum menghempas diri ke

atas bumbung sebuah rumah kayu dan menerobos jatuh dari bumbung menimpa bahagian dapur rumah di tepi lebuhraya panjang menuju Cameron itu.

Mayat Jenny keras. Chai Yin menggil melihat mayat Jenny keras kaku di bilik rumah mayat Hospital Kuantan sudah berjahit-jahitan.

(Faisal Tehrani, 2016, p. 349-350)

Petikan di atas merupakan gambaran adegan pembunuhan terancang yang telah dilakukan oleh Datuk Zuri kepada Jenny menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu*. Pembunuhan yang dilakukan ini didasari dengan rasa marah, benci, sakit hati dan kebimbangan yang tinggi dalam diri Datuk Zuri di atas kemampuan Jenny yang dapat menghancurkan karier politiknya. Hal ini kerana sepanjang hubungan sulit mereka berlangsung, Jenny telah menyimpan banyak rahsia dan pelbagai bukti kejahatan yang dilakukan oleh Datuk Zuri dalam kariernya sebagai ahli politik. Berbekalkan dengan pelbagai kuasa (kedudukan, kewangan dan pengaruh politik), Datuk Zuri dilihat telah berjaya mengatur strategi dengan cermat dan teliti untuk memastikan nyawa Jenny dapat ditamatkan tanpa perlu mengaitkan dirinya secara langsung.

Perasaan benci dalam diri Datuk Zuri terhadap Jenny telah menyebabkan strategi pembunuhan Jenny telah diatur dengan cermat. Perkara tersebut dimulakan dengan peristiwa Datuk Zuri telah merasuh Chai Yin, sepupu Jenny. Selanjutnya, strategi pembunuhan diteruskan dengan cara Datuk Zuri mengupah individu untuk merosakkan brek kenderaan yang dipandu oleh Jenny untuk ke Cameron Highland. Kesannya, kereta yang dipandu oleh Jenny telah hilang kawalan, lalu terbabas dan dia meninggal di tempat kejadian. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kematian Jenny adalah kematian yang dirancang oleh Datuk Zuri tanpa dia perlu berada di tempat kejadian atau melakukannya secara langsung. Hal ini bertepatan dengan pandangan Bassar (1984) yang menjelaskan bahawa salah satu ciri pembunuhan terancang adalah dengan adanya unsur kesengajaan yang disertai oleh suatu perancangan rapi terlebih dahulu. Berdasarkan perseptif Islam pula, tindakan Datuk Zuri sememangnya bertentangan dengan ajaran Islam. Al-Ghazali (2013) dalam *Kitab Tercelanya Terpedaya dengan Kesenangan Duniawi* telah menjelaskan bahawa kezaliman sesama manusia merupakan suatu perbuatan yang tercela di sisi Allah SWT.

Oleh itu, jelas dibuktikan bahawa rasa benci yang ada dalam diri manusia telah mendorong kepada berlakunya keruntuhan akhlak kerana telah mengakibatkan penderitaan banyak pihak. Rasa benci dapat melahirkan perasaan negatif dalam diri manusia sehingga mempunyai keinginan untuk melihat orang yang dibenci berada dalam keadaan tersiksa dan menderita. Situasi ini mendorong manusia melakukan kejahanan seperti berbicara kasar, mudah tersinggung malahan melakukan kekerasan fizikal seperti membunuh (Sukyadi, 2016).

Keruntuhan Akhlak Berdasarkan Sifat Dendam

Menurut Noor Farhah Rosli (2019), dendam ditakrifkan sebagai suatu bentuk nafsu yang negatif dan perkara tersebut merupakan cabang daripada sifat *mazmumah* dalam konteks amarah. Dendam juga dikaitkan dengan timbulnya tindakan-tindakan yang menyalahi etika kemanusiaan, peraturan dan undang-undang negara serta agama seperti munculnya perlakuan yang berbentuk kekerasan sama ada kekerasan seksual atau kekerasan fizikal, penindasan dan juga pembunuhan (Sahara, 2019).

Datuk Zuri menerkam dan mereka terus bertarung. Chai Yin tidak mengalah dengan mudah. Dia cuba menendang Datuk Zuri tetapi gagal. Datuk Zuri menampar dan menumbuknya berkali-kali. Chai Yin menangis dan meraung ketakutan sambil menjerit-jerit histerikal.

Mulutnya disumbatkan dengan sapu tangan Datuk Zuri yang berbau arak dan muntah masam. Kerakusan Datuk Zuri berkobar-kobar. Datuk Zuri meraba tubuh Chai Yin yang tetal sambil mengorak senyum gelojoh. Pergi balik jemari itu. Datuk Zuri menumbuknya dan dia rasa berpinar-pinar. Tubuh Datuk Zuri melindas dirinya dan dia menggelapar lemah.

(Faisal Tehrani, 2016, p. 263-264).

Petikan di atas menunjukkan kehadiran peristiwa keruntuhan akhlak menerusi novel *Perempuan Politikus Melayu* menerusi sikap dendam yang dimiliki oleh Datuk Zuri. Secara asasnya, Datuk Zuri merupakan seorang ahli politik yang telah menjalinkan hubungan sulit dengan Jenny, sepupu Chai Yin. Menerusi satu peristiwa, Datuk Zuri yang berada dalam pengaruh alkohol telah memperkosa Chai Yin dengan cara yang sangat rakus dan tidak berperikemanusiaan. Selain berada dalam keadaan mabuk, tindakan Datuk Zuri tersebut juga didasari oleh rasa sakit hati dan dendamnya terhadap Jenny kerana melakukan pelbagai perkara demi menjatuhkan karier politiknya. Oleh itu, kegagalan dalam usaha mencari Jenny telah mendorong Datuk Zuri untuk melepaskan rasa dendamnya kepada sepupu Jenny, iaitu Chai Yin. Sikap dendam yang ditunjukkan oleh Datuk Zuri itu selari dengan takrifan dendam yang dikemukakan oleh Al-Ghazali (2013), iaitu suatu bentuk penyakit hati yang muncul disebabkan oleh tercetusnya rasa marah, benci dan ingin membalaikan tindakan pihak lawan dengan cara yang dicegah oleh agama. Dendam merupakan suatu perbuatan yang tidak selari dengan proses pembentukan akhlak manusia mengikut perspektif Islam.

Sebagai individu yang beragama Islam, Datuk Zuri seharusnya menyedari bahawa meragut kesucian wanita adalah suatu bentuk dosa besar. Menerusi perspektif Islam, pemerkosaan dikenali sebagai zina cara paksaan (*al-zina bi al-ikrah*) dan pelaku (perogol) akan dikenakan hukuman mati (bagi pelaku yang sudah berkahwin), manakala hukuman rotan sebanyak seratus kali serta dibuang daerah selama setahun (bagi pelaku yang belum berkahwin) (Nik Rahim Nik Wajis, 1998). Tindakan yang dilakukan oleh Datuk Zuri sememangnya suatu kesalahan yang fatal kerana mementingkan sikap dendam sehingga menyalimi pihak yang tidak bersalah melalui tindakan pemerkosaan tersebut. Datuk Zuri tidak wajar melibatkan Chai Yin dalam konflik antara dirinya dengan Jenny hingga meragut maruah dan harga diri wanita tersebut serta mengakibatkan masalah menjadi lebih besar.

Peristiwa pemerkosaan yang dilakukan oleh Datuk Zuri terhadap Chai Yin telah memicu rasa sakit hati dan dendam yang kuat dalam diri Chai Yin terhadap Jenny sehingga dia sanggup melakukan kejadian terhadap sepupunya itu. Buktiannya seperti berikut, iaitu:

“Kau lain Chai Yin... kau harus pergi untuk, melupakan semua. Duit 20 juta pemberian Datuk Zuri itu kau anggap sahaja sebagai wang belanja...”.

(Faisal Tehrani, 2016, p. 327)

RM 20 juta... kau dah boleh berhijrah ke luar negara kalau kau mahu... wajah Huzaifah tiba-tiba datang seperti melompat-lompat gambarannya.

Aku...aku terima. Chai Yin menitiskan air mata. Dia terpaksa mengalah. Memang jika diperdebatkan dari sudut maruah dan moralnya dia kalah tetapi ugutan ke atas keluarganya sangat melampau baginya.

(Faisal Tehrani, 2016, p. 347)

Petikan berikut memaparkan peristiwa Chai Yin sanggup menerima rasuah daripada Datuk Zuri. Chai Yin turut melibatkan diri dengan ahli politik tersebut dalam kes pembunuhan Jenny. Chai Yin telah berdendam kepada Jenny kerana dia merasakan sepupunya itu yang bersalah dan perlu bertanggungjawab di atas peristiwa pemerkosaan yang berlaku pada dirinya. Chai Yin sanggup menerima rasuah daripada Datuk Zuri sebanyak RM 20 juta bagi memujuk serta memastikan Jenny pulang ke Malaysia setelah sekian lama berada di London. Meskipun Chai Yin menyedari tindakannya itu mampu mendatangkan risiko yang tinggi terhadap sepupunya itu, namun akibat dendam yang menebal dalam hati dan dirinya, Chai Yin sanggup bekerjasama dengan Datuk Zuri dalam hal tersebut. Kesannya, Jenny telah meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya yang jelas membuktikan bahawa sikap benci yang dimulai oleh Datuk Zuri telah menghasilkan pelbagai peristiwa-peristiwa keruntuhan akhlak yang lain hingga mengakibatkan timbulnya dendam yang diakhiri dengan peristiwa pembunuhan. Semua pihak harus menyedari bahawa dendam merupakan suatu perkara yang tidak wajar diamalkan dalam kehidupan manusia kerana sikap tersebut boleh mendatangkan kemudarat kepada banyak pihak dan menjadi punca kepada kes-kes jenayah berat yang lain.

Selain didasari oleh dendam, Chai Yin juga menerima wang tersebut kerana ingin menyelamatkan nyawa ahli keluarganya yang dalam keadaan berbahaya berpunca dari hubungan sulit antara Jenny dan Datuk Zuri. Bagi Chai Yin, keselamatan ibu bapa dan adik beradiknya lebih utama jika dibandingkan dengan Jenny yang dianggapnya menjadi punca huru hara. Setiap tindak tanduk negatif Chai Yin dan Datuk Zuri sehingga berlakunya peristiwa pembunuhan Jenny berpunca daripada perasaan dendam mereka terhadap Jenny, namun dendam yang muncul dalam diri kedua-dua individu tersebut adalah dalam konteks berbeza.

Rumusannya, dapat dijelaskan bahawa tindakan yang berasaskan sifat dendam merupakan salah satu elemen keruntuhan akhlak yang telah diketengahkan dalam novel kajian, iaitu novel *Perempuan Politikus Melayu*. Menurut Islam, perlakuan yang didasari oleh sifat dendam seperti yang telah dikemukakan dalam novel kajian sememangnya suatu tindakan keruntuhan akhlak yang tidak selari dengan nilai pendidikan Islam. Hal ini kerana Islam mengajar umat manusia untuk saling bertimbang rasa dan bermaaf-maafan antara satu sama lain. Tambahan pula, sifat (sikap) sedemikian boleh menyebabkan manusia hilang pertimbangan yang waras dan akhirnya telah berupaya mendorong manusia melakukan kejahanan yang tidak berperikemanusiaan seperti yang dipaparkan dalam novel tersebut.

Kesimpulan

Berdasarkan pelbagai hujahan yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa Faisal Tehrani telah mengemukakan elemen keruntuhan akhlak yang bersifat horizontal, iaitu tindak tanduk keruntuhan akhlak yang dilakukan sesama manusia. Walau bagaimanapun, perlakuan tersebut juga telah menjadikan manusia tersebut melakukan kesalahan yang bersifat vertikal, iaitu keruntuhan akhlak di sisi Allah SWT. Menerusi pendekatan *Ihya' Ulumuddin* karya Al-Ghazali jelas membincangkan tentang elemen keruntuhan akhlak seperti marah, benci dan dendam hingga mengakibatkan berlakunya kezaliman merupakan suatu perkara yang tidak direndai Allah SWT dan bertentangan dengan ajaran Islam. Menerusi konteks penghasilan karya sastera pula, Faisal Tehrani dilihat berupaya menghasilkan karya yang mengkritik kedhaifan manusia dalam mengendalikan sifat dan emosi negatif dalam diri mereka. Secara tidak langsung, kedhaifan tersebut diharapkan mampu menyedarkan masyarakat tentang kepentingan dalam mengendalikan akal serta fikiran khususnya berada dalam situasi marah. Elemen keruntuhan akhlak yang dipaparkan juga diharapkan dapat menyedarkan masyarakat untuk menghindarinya dalam kehidupan mereka kerana perkara tersebut bukan hanya memudaratkan diri sendiri malahan masyarakat lainnya hingga mengakibatkan konflik menjadi lebih luas, serius dan berpanjangan. Selanjutnya, harus ditegaskan bahawa analisis dan hujahan yang dikemukakan menerusi penyelidikan ini merupakan suatu usaha untuk memberi

kefahaman kepada masyarakat tentang tindakan yang berasaskan sifat marah, benci dan dendam merupakan suatu tindakan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kajian ini juga berperanan sebagai medium untuk mendidik masyarakat untuk menghindari perkara-perkara negatif dalam kehidupan sehari-hari.

Rujukan

- A. Wahab Ali (2012). Muhammad Yusof Ahmad: A pioneer of modern Malay fiction. *Malay Literature Journal*, 25(1), 91-108. [https://doi.org/10.37052/ml.25\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/ml.25(1)no6).

Al Baqi, S. (2015). Ekspresi emosi marah. *Jurnal Buletin Psikologi*, 23(1), 22-30 [10.22146/bpsi.10574](https://doi.org/10.22146/bpsi.10574)

Al-Ghazali. (2013). *Ihya' Ulumuddin* (Jilid 1). Pustaka Nasional.

Al-Ghazali. (2013). *Ihya' Ulumuddin* (Jilid 2). Pustaka Nasional.

Al-Ghazali. (2013). *Ihya' Ulumuddin* (Jilid 3). Pustaka Nasional.

Al-Ghazali. (2013). *Ihya' Ulumuddin* (Jilid 4). Pustaka Nasional.

Al-Quran. (2014). *Al-Quran terjemahan*. Pustaka Darul Aman.

Amalee, I. (2017). *Islam itu ramah bukan marah*. Noura Books.

Bassar, M. S. (1984). Tindak-tindak pidana tertentu di dalam kitab Undang-Undang Hukum Pidana. Remadja Karya.

Faisal Tehrani. (2016). *Perempuan Politikus Melayu*. Dubook Press Sdn. Bhd.

Lewis, M., & Haviland-Jones, J. M. (2000). *Handbook of emotion 2nd edition*. The Guilford Press.

Lubis, H. (2013). Pandangan Sains terhadap haramnya lemak babi. *Logaritma: Jurnal Ilmu-ilmu Pendidikan dan Sains*, 1(01), 35-46. <https://jurnal.iain-padangsidiimpuan.ac.id/index.php/LGR/article/view/194>

Md Zawawi Abu Bakar & Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. (2008). *Hak suami isteri dalam perkahwinan Islam: Analisis menurut Fiqh*. *Journal of Governance and Development (JGD)*, 4, 35-52. <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jgd/article/view/14025>

Mohd Khairi Shafie & Mohd Khairi Othman. (2017). Kefahaman dan pengalaman akhlak dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzan Shah. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 663-676. <http://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.540>

Mohd Roslan Mohd Nor. (2015). *Ekstremisme rentas agama dan tamadun*. Persatuan ulama Malaysia.

Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Sabri Mohamad. (2018). Menangani keruntuhan akhlak masa kini menurut Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 3(1), 55-63. <https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/62>

Nik Rahim Nik Wajis. (1998). Jenayah rogol di dalam undang-undang Islam. *Jurnal Syariah*, 6,73-80. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22969>

Noor Farhah Rosli. (2021). Nafsu dalam novel-novel terpilih Fatimah Syarha. [Tesis Sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

Nurhamizah Hashim. (2015). *Psikologi keperluan remaja dalam novel-novel remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU)*. [Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

Nurislamiah, M. (2021). Komunikasi interpersonal pasangan suami istri dalam upaya menjaga keharmonisan rumah tangga. *Communicative: Jurnal Komunikasi dan Dakwah*, 2(1), 15-29. <https://journal.bungabangsacirebon.ac.id/index.php/communicative/article/view/409>.

Nurshazeera Khazri & Che Abdullah Che Ya. (2017). Kritikan sosial dalam Embargo: Satu penelitian satira. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 1-16. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/41>

Rajak, B. A & Nordiana Hamzah. (2021). Adab kepada alam semesta dalam Novel Nggusu Waru yang Tersisa Karya N. Marewo Berdasarkan Nilai Adab Menurut Al Ghazali. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(2), 1-10. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/149>

Sahara, D. (2019). Hasrat Eka Kurniawan dalam novel Seperti Dendam, Rindu Harus Dibayar Tuntas (Kajian Psikoanalisis Jacques Lacan). *Jurnal Salaka: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Budaya Indonesia*, 1(2), 2-16. 10.33751/jsalaka.v1i2.1280

Sasmika, M., Maspuroh, U., & Rosalina, S. (2022). Masalah sosial dalam novel La Muli karya Nunuk Y. Kusmiana. *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa, dan Sastra*, 8(1), 1-12. <https://doi.org/10.30605/onoma.v8i1.1412>

Sin, S. K. (2018). Pendekatan topikal dalam menafsirkan Kitab Amsal. *Sola Gratia: Jurnal Teologi Biblika dan Praktika*, 6(1), 1-27. 10.47596/solagratia.v6i1.66

Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Eizah Mat Hussien & Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi. (2020). Pertentangan nilai akhlak Islam dalam novel Tivi menurut Al-Ghazali. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 185-209. 185-209. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/27636>

Sukyadi, D. (2006). Peranan prototipe dalam pendefinisian konsep abstrak "marah" dan "benci". *Jurnal Linguistik dan Sastra*, 18(35), 175-182. <https://journals.ums.ac.id/index.php/KLS/article/view/5061/3380>

Suryadarma, Y. & Haq, A. H. (2015). Pendidikan akhlak menurut Imam Al-Ghazali. *At-Ta'dib*, 10(2), 61-381. <https://doi.org/10.21111/at-tadib.v10i2.460>